

SELASA

1 OKTOBER 2013

Harian Metro



Metro 1/10/14 MS24

Oleh **Noor Mohamad Shakil Hameed**

Dosa Chin Peng terlalu besar kepada negara

Tindakan segelintir rakyat kita sendiri yang cuba menonjolkan bekas Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya (PKM) mendiang Chin Peng yang meninggal dunia di Bangkok baru-baru ini sebagai pejuang negara cukup menyedihkan dan mengecewakan.

Sejarah negara dengan jelas membuktikan betapa komunis menjadi ancaman cukup besar, melakukan pelbagai kemusnahan, terutama kekejaman terhadap rakyat tempatan. Ringkasnya, ribuan nyawa terkorban angkara keganasan dan kekejaman komunis terhadap rakyat negara ini.

Kenapa begitu mudah rakyat kita sendiri lupa sejarah ini atau pura-pura lupa hanya untuk meraih pengaruh politik dalam kalangan masyarakat?

Apa yang pasti tindakan individu dan parti politik tertentu yang cuba menjadi wira demi meraih sokongan kaum Cina mula mencetuskan pelbagai bentuk provokasi, malah tidak kurang juga ada dalam kalangan pengikut mereka yang secara terang-terangan menyatakan sokongan secara terbuka agar dibenarkan abu mayat Chin Peng dibawa pulang ke negara kita.

Tindakan mereka yang begitu bijak menangkang di air yang keruh dengan memanipulasi isu ketegasan kerajaan tidak membenarkan mayat mahupun abu mayat Chin Peng dibawa masuk ke negara ini menaikan kemarahan majoriti rakyat kita.

Pelbagai pihak, termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) terus menyatakan sokongan terhadap tindakan kerajaan serta membantah abu mayat Chin Peng dibawa pulang. Ada juga yang tampil membuat laporan polis agar dapat bertindak dengan tegas dan segera. Misalnya 12 NGO di Selangor membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya manakala 300 ahli NGO pelbagai kaum dan pelbagai parti politik di Muar mengadakan bantahan secara aman di Muzium Polis Bukit Kepong.

Di samping itu, Jaringan Melayu Malaysia (JMM) yang mengecam usaha membawa masuk abu mayat Chin Peng pula menggelar mereka yang menyeludup abu mayat sebagai pengkhianat negara dan menyatakan tindakan itu sebagai kerja gila dan tidak masuk akal.

Dalam hal ini pandangan dua orang mufti dari dua negeri yang berbeza pentadbirannya iaitu Mufti Kelantan dan Kedah cukup menarik untuk kita hayati ber-

sama. Menurut Mufti Kelantan Datuk Mohamad Shukri Mohamad, Chin Peng pengkhianat negara yang tidak layak diberi penghormatan, justeru menurut beliau tindakan pihak tertentu agar abu mayat pemimpin komunis itu dibenarkan dibawa pulang ke negara ini amat tidak wajar dan perlu dihalang apatah lagi fahaman komunis jelas bertentangan dengan ajaran Islam.

Mufti Kedah Datuk Syeikh Muhammad Baderudin Ahmad pula berkata, penderitaan dan kesusahan yang dibawa oleh Chin Peng dan beberapa rakannya satu jenayah yang sukar diampunkan. Ini dengan jelas membuktikan betapa majoriti rakyat daripada pelbagai kaum, ideologi politik dan latar belakang membantah segala usaha pihak tertentu untuk mengangkat Chin Peng sebagai wira serta mahu kerajaan mengekang sebarang usaha untuk menyeludup masuk abu mayat berkenaan.

Usah lupa kekejaman

Hakikatnya rakyat negara ini perlu hayati sejarah perjuangan komunis secara terperinci supaya dapat melihat segala kekejaman yang mereka lakukan dengan lebih jelas. Seperti kata bekas Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Mohd Ghazali Mohd Seth dosa Chin Peng terhadap negara dan rakyat ini terlalu besar dan tidak boleh dimaafkan sama sekali.

Tindakan untuk mengagungkan perjuangan Chin Peng dan komunis wajar dilihat sebagai usaha menafikan perjuangan perajurit kita, malah boleh disifatkan sebagai tindakan menghina bekas perwira negara yang terkorban di tangan komunis dalam mempertahankan ibu pertiwi.

Apakah kita lupa tindakan komunis dengan kejam menembak mati bekas Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahman Hashim di Kuala Lumpur pada 7 Jun 1974 serta bekas Ketua Polis Perak Tan Sri Khoo Choo Kong di Ipoh pada 13 November 1975 dan ramai lagi anggota pasukan keselamatan serta rakyat jelata yang tidak berdosa.

Segelintir media misalnya yang mensensasikan berita kematian Chin Peng serta menyiarkan laporan kematiannya secara besar-besaran seolah-olah Chin Peng seorang wira perlu dihentikan dengan segera. Ia tidak wajar dilakukan sama sekali.

Janganlah ada yang cuba men-

cipta sejarah baru dengan menyan-takan Chin Peng memperjuangkan kemerdekaan tanah air serta mengiktiraf Chin Peng sebagai wira merdeka yang kononnya turut membantu menyerang Jepun dan British sebelum merdeka.

Tambahan pula ada antara mereka yang begitu fanatik sehingga dikatakan merancang untuk berkumpul di Dataran Merdeka bagi memperingati kematian Chin Peng. Kepada individu dan kelompok terbabit baca dan fahamilah sejarah negara dan sejarah perjuangan komunis secara menyeluruh sebelum membuat sesuatu tindakan, kesimpulan mahupun tuduhan.

Biar sejarah menghakimi

Selami dan fahami juga hati dan perasaan ahli keluarga mangsa kekejaman komunis di negara ini tatkala kita cuba memuja Chin Peng dan perjuangannya.

Apa yang pasti komunis tetap komunis untuk selama-lamanya. Ideologi perjuangannya cukup nyata dan amat jelas bertentangan dengan amalan demokrasi kita.

Maka tidak perlu dan tidak wajar ada rasa kesian apatah lagi usaha untuk menghalalkan perjuangan dan tindakan kejam mereka terhadap perwira negara.

Sekarang Chin Peng sudahpun menjadi sejarah. Biarlah sejarah menghakimi segala kekejaman dan keganasan yang beliau dan kumpulannya lakukan terhadap rakyat dan negara ini. Setiap nyawa terkorban serta setiap titisan darah yang diakibatkan oleh komunis tidak wajar dilupakan begitu saja. Tidak mungkin kita boleh terima kenyataan sesetengah pihak seperti 'yang lalu biarkan berlalu' dalam hal seumpama ini.

Jangan sesekali kita cuba memutar belit fakta dan sejarah demi merasionalkan mahupun menghalalkan tindakan serta hujah kita. Semoga pihak kerajaan terus tegas dalam soal ini. Ini adalah soal maruah dan keselamatan negara, justeru, tidak wajar dilihat dalam konteks politik perkauman yang sempit. Maka tiada ruang untuk berkompromi mahupun bertolak ansur walau dalam apa jua keadaan sekalipun. Kita tidak mahu pengkhianat diangkat sebagai wira hanya kerana kepentingan peribadi mahupun politik pihak tertentu.

**Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Universiti Putra Malaysia**